



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERUBATAN)  
ARAS 7, BLOK E1, PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590 PUTRAJAYA



Telefon : 03-88831015 / 1012  
No. Faks: 03-88831048 / 1045  
http://www.moh.gov.my

KPP(P)05,

*Sila patuhi & hebahkan.*

*Yes*  
PBR 29/7/2015  
**DATUK YEOW CHIN KIONG**


PENGARAH BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN (PENCEN)

Y. Bhg. Dato' Dr. N. Premchandran A/L P. S. Menon  
Ketua Perkhidmatan Ortopedik Kebangsaan  
Pakar Perunding Kanan Dan Ketua Jabatan Ortopedik & Traumatologi  
Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan (HTAA)  
Jalan Tanah Puteh  
25100 Kuantan  
Pahang Darul Makmur

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KKM 87/P1/18/12 Jld. 13 (39)

Tarikh : 29 Jun 2015



YBhg. Dato',

**Penggunaan Ubat *Glucosamine* Dan Produk Seumpamanya Serta Tuntutan Bagi Tujuan Pembiayaan Oleh Kerajaan Kepada Pegawai Dan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Menerima Pencen Serta Ahli Keluarga Mereka Yang Berkelayakan**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat YBhg. Dato' no Ruj. ( ) dlm. HTAA/OTO/KPK/15 bertarikh 29/05/2015 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, seperti YBhg. Dato' sedia maklum ubat *Glucosamine* ketika ini **tiada** dalam Formulari Ubat-Ubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (FUKKM) tetapi **berdaftar** dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah KKM. Oleh yang demikian, selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 pada Bahagian B Permohonan Perbelanjaan Bagi Pembekalan Ubat di Bilangan 1(ii), maka perbelanjaan bagi pembekalan ubat yang **tidak disenaraikan** dalam senarai ubat-ubatan KKM / hospital universiti boleh dipertimbangkan dengan syarat penggunaan ubat tersebut hendaklah terlebih dahulu mendapat **kelulusan** daripada Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPP, KKM) bagi rawatan yang diperolehi di hospital / klinik di bawah KKM atau Pengarah hospital universiti bagi rawatan yang diperolehi di hospital universiti.

3. Pejabat ini mengambil maklum ulasan YBhg. Dato' bahawa tidak terdapat hasil kajian yang konklusif berhubung penggunaan ubat *Glucosamine* dan produk seumpamanya untuk jangka masa panjang serta cadangan oleh National Orthopedics AGM (Johore Baru August 2014) di mana ubat *Glucosamine* dan produk seumpamanya boleh diperolehi secara percuma untuk tempoh 3 bulan hingga 6 bulan (sekiranya terbukti berkesan), manakala selepas tempoh tersebut sebarang penggunaan ubat *Glucosamine* dan produk seumpamanya perlu dibiayai oleh pesakit sendiri.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702

*'Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab'*

4. Berikutan maklumbalas YBhg. Dato' dan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 pada Bahagian B Permohonan Perbelanjaan Bagi Pembekalan Ubat di Bilangan 1 (ii), maka pejabat ini ingin memaklumkan bahawa pembekalan/pembiayaan ubat *Glucosamine* dan produk seumpamanya melebihi tempoh 6 bulan adalah **tidak dibenarkan**. Oleh yang demikian, pejabat ini akan menguatkuasakan peraturan ini mulai **01/08/2015**.

5. Sehubungan ini, selaras dengan Perkara 4 di atas dan untuk menyeragamkan tuntutan/pembiayaan oleh Kerajaan kepada pegawai dan pesara perkhidmatan awam persekutuan yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan, maka pejabat ini memohon kerjasama pihak YBhg. Dato' untuk memaklumkan kepada Pegawai / Pakar Perubatan Kerajaan khususnya bagi disiplin Ortopedik berkenaan keputusan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



**(DATUK DR. JEYANDRAN TAN SRI DR. SINNADURAI)**  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. Pengarah  
Bahagian Saraan  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Aras 4&6, Blok C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p : Puan Zanariah Binti Zakaria)



Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pasca Perkhidmatan (Pencen)  
Aras 2-5, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P Putrajaya  
(u.p.: Puan Safura Binti Sabir)



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702

*'Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab'*

s.k. **YBhg. Dato' Dr. Hj. Azman Bin Abu Bakar**  
Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

DrJS/NS/KKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702

*'Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab'*